

04/03/1998

Guna teknologi secara lebih beretika

SEMALAM, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai kaitan antara kemajuan teknologi dan kegawatan ekonomi dan mata wang. Menurut Perdana Menteri, jika dulu manusia menjalankan perdagangan komoditi memerlukan kapal, keretapi dan masa yang panjang untuk membawa barangan berkenaan dari setempat ke setempat, kini keadaan sudah berubah. Sekarang orang berurus niaga mata wang tanpa perlu menggerakkan mata wang itu sama-sekali. Mereka hanya menggerakkan jari pada skrin tv yang dihubungkan ke seluruh dunia. Keajaiban teknologi moden membolehkan seseorang menjual satu trilion dolar hanya dalam masa sesaat. Rumusan kita, teknologi bukan saja mengubah cara hidup manusia tetapi juga cara bekerja dan berurus niaga.

Dr Mahathir menjelaskan keadaan ini seharusnya dipandang sebagai perkembangan yang sihat. Malangnya keadaan sedemikian tidak berlaku di sesetengah negara termasuk Malaysia. Segala-galanya berpunca daripada ketidakseimbangan antara kemajuan teknologi dan moral manusia. Jika teknologi digunakan manusia yang tidak bermoral, ia tidak mendatangkan kebaikan kepada manusia, walaupun ia menguntungkan sesetengah pihak. Akhirnya, teknologi hanya lebih disalahgunakan oleh mereka yang berkuasa mengguna dan menguasai teknologi. Paling penting, teknologi digunakan oleh pihak tertentu membuat keputusan untuk memporakperandakan manusia. Ia boleh melalihkan manusia menerusi teknologi hiburan dengan program yang melalihkan, mencipta senjata untuk menggalakkan manusia bermusuhan dan berperang, mencipta alat berurus niaga yang memudahkan mereka memanipulasi pasaran.

Dunia hari ini terpaksa menghadapi kemaraan pelbagai teknologi. Dalam apa bidang sekali pun teknologi mampu memudah dan mempercepatkan sebarang kerja yang sebelumnya dilakukan oleh tenaga manusia. Dengan penggunaan jentera, pihak pengurusan lebih mudah membuat keputusan. Urusan perniagaan begitu mudah dijalankan dengan banyak maklumat diterima, bergantung sejauh mana setiap pihak tahu menggunakan maklumat. Maklumat hanya penting jika penggunanya tahu memproses dan menggunakannya.

Teknologi adalah pelaburan negara maju sebagai platform bertindak. Kita tidak mempersoalkan kepentingan teknologi tetapi apa yang sering menjadi perhitungan ialah aplikasinya.

Jika baik, baiklah jadinya, tetapi jika ia dibangunkan dengan niat yang tidak baik, tidak baiklah jadinya. Disebabkan penggunaan teknologi kian meluas, kesannya juga sudah mencakupi serata dunia. Adakalanya negara miskin dan membangun menjadi percaturan kemajuan teknologi. Urusan pasaran wang dan saham adalah satu contoh semasa yang dikaitkan dengan kesan kemajuan teknologi yang mana orang memanipulasi dan membuat spekulasi pasaran hanya dengan menggunakan skrin tv. Pemilik teknologi tidak menghadkan pemilikan alat teknologi yang dicipta kepada kumpulan strata ekonomi yang tinggi saja. Teknologi digunakan di mana saja.

Perkampungan sejagat umpamanya merujuk kepada rangkaian komunikasi dunia - telefon, telegraf, radio dan kemudahan satelit yang membolehkan komunikasi segera dari satu sudut dunia ke satu sudut yang lain. Cuma, asas kepada teknologi terkini dalam dunia bebas, dikawal oleh Amerika Syarikat, contohnya teknologi satelit.

Teknologi satelit yang ditubuhkan menerusi konsortium syarikat komunikasi Amerika Syarikat untuk menjalankan kegiatan yang boleh memberi keuntungan kepada syarikat dan negara mereka.

Di negara membangun, kita terpaksa akur kepada kemajuan teknologi. Kerana tidak mahu ketinggalan. Teknologi menjadi kayu pengukur kepada kemajuan sesebuah negara sama ada dalam bidang perdagangan, pertanian, perbankan, perniagaan dan sebagainya. Setiap organisasi terpaksa menggunakan peralatan moden atas nama kemajuan. Sebuah bank yang tidak mempunyai keperluan memproses data akan ketinggalan daripada saingannya. Kita akur kepada kehendak zaman meskipun sedar gelombang teknologi seperti ini terdedah kepada kegiatan manipulasi.

Ketika melihat teknologi sebagai satu alat penting dunia perindustrian yang menawarkan banyak keuntungan, tidak dapat dielakkan ia juga menimbulkan banyak masalah. Di Malaysia, kita memerlukan teknologi untuk meningkatkan produktiviti tetapi bagi sesetengah pihak, teknologi digunakan untuk manipulasi. Apa yang kita harapkan pengguna teknologi lebih beretika. Disebabkan urusan penggunaan teknologi adalah tugas profesional, kita juga mengharapkan tanggungjawab profesional dimainkan oleh setiap pihak.

(END)